

B528

MAHATHIR 'a' a'

1980

KELANG, 12 JULAI (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN SYARIKAT-SYARIKAT PERKILANGAN DAN PERDAGANGAN DI NEGARA INI SUPAYA MENGHENTIKAN KEGIATAN DISKRIMINASI TERHADAP PARA PEKERJA BUMIPUTERA DI PERINGKAT PENGURUSAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENDAPAT TAHU ADANYA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGAMALKAN DISKRIMINASI ITU ATAS SEBAB-SEBAB YANG HANYA DIKETAHUI OLEH SYARIKAT BERKENAAN.

KATA BELIAU WALAUPUN PADA AMNYA PENGAMBILAN PEKERJA-PEKERJA BUMIPUTERA DI PERINGKAT PENGURUSAN DAN EKSEKUTIF BERTAMBAH

BAIK, PARA PEKERJA BUMIPUTERA PERLU DITEMPATKAN DI MASA
MEREKA BOLEH MELIBATKAN DIRI DALAM PENTADBIRAN DAN PENGU-
RUSAN SYARIKAT SEPENUHNYA.

183

MEREKA HENDAKNYA JANGAN DIJADIKAN SEBAGAI ORANG PERANTARAAN
DI ANTARA SYARIKAT DENGAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN SAHAJA,
KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN
PERINDUSTRIAN BERUCAP MERASMIKAN SYARIKAT AUTO PARTS
MANUFACTURERS CO. SDN. BHD. DI KAWASAN PERINDUSTRIAN
PANDAMARAN DI SINI.

BELIAU SEKALI LAGI MENYERU SEMUA SYARIKAT PERKILANGAN DAN
PERDAGANGAN, SAMA ADA SYARIKAT TEMPATAN ATAU PUN ASING
SUPAYA MEMAHAMI AKAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT
DASAR EKONOMI BARU. ---BERSAMBUNG 1537/MD

B529

MAHATHIR 2 KELANG

KATA BELIAU SYARIKAT-SYARIKAT BARU HENDAKLAH MENGAMBIL
PEKERJA-PEKERJA MEREKA DI SEMUA PERINGKAT SELARAS DENGAN
KOMPOSISI KAUM DI NEGARA INI DI AWAL-AWAL OPERASI LAGI.

SEKIRANYA DI PERINGKAT PERMULAAN TENAGA PEKERJA TIDAK
MENCERMINKAN STRUKTUR KOMPOSISI KAUM, MAKA AKAN TIMBUL
BEBERAPA PERUMITAN UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA PENYUSUNAN SEMULA GUNATENAGA DALAM
KEADAAN INI HANYA BOLEH DIBUAT SEMASA PEMBESARAN OPERASI,
PERLETAKAN JAWATAN DAN LAIN-LAIN KEKOSONGAN YANG SAH YANG
TENTUNYA TIDAK BEGITU KERAP.

JIKA PUN ADA KEKOSONGAN, SYARIKAT PERLU MELIHAT FAKTOR PEKERJA
DALAM SYARIKAT SENDIRI YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN
SAPERTI MEMBERI PELUANG KENAIKAN PANGKAT, KEDUDUKAN DAAAM
JAWATAN, PENGALAMAN DAN SEBAGAINYA.

UNTUK MENCELAKKAN KERUMITAN YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM SOAL
INI, BAGI SYARIKAT BARU, PENGAMBILAN PEKERJA YANG MENCER-
MINKAN KOMPOSISI KAUM HENDAKLAH DIBERI PERTIMBANGAN SERIUS
AWAL-AWAL LAGI, TEGASNYA. ---BERSAMBUNG 1542/MD